

04 MAY 1996

Samy-Amanah

SEBANYAK 240 JUTA SAHAM AMANAH WAWASAN DIPERUNTUKAN UNTUK MASYARAKAT INDIA

CAMERON HIGHLANDS, 4 Mei (Bernama) -- Kerajaan telah memperuntukan sebanyak 240 juta saham Skim Amanah Saham Wawasan (ASW) atau lapan peratus daripada 3,000 juta saham yang akan dilancarkan pada Ogos ini kepada belia kaum India, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Peruntukan itu yang dibuat berdasarkan jumlah penduduk daripada keturunan India di negara ini perlu direbut oleh para belia India memandangkan ianya salah satu usaha kerajaan untuk mempertingkatkan ekuiti masyarakat India dalam ekonomi negara, katanya.

MIC akan menjalankan kempen-kempen penerangan dan galakan kepada belia kaum itu bagi memastikan peluang tersebut direbut oleh mereka, katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen empat hari Belia Hindu Kebangsaan yang ke 23 dan Belia Hindu Asean ke empat di sini, hari ini.

Konvensyen itu yang bertemakan "Peranan Belia India Menjelang Abad ke 21" dihadiri oleh kira-kira 500 belia dari Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Samy berkata belia-belia India tidak sepatutnya melepaskan peluang melibatkan diri dalam skim itu memandangkan ianya diadakan buat pertama kali di negara ini untuk golongan tersebut dan terbuka kepada semua kaum.

Skim itu, yang akan menawarkan saham bernilai RM1 satu akan ditawarkan kepada belia pelbagai kaum yang berusia 12 hingga 30 tahun dan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ogos ini.

Samy dalam ucapan perasmianya berharap Majlis Belia Hindu membuka lebih banyak cawangan di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan generasi muda masyarakat India mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti.

Beliau juga tidak mahu tayangan gambar dan persembahan muzik diadakan semasa perayaan agama Hindu kerana ini lari daripada tujuan sebenar perayaan itu.

Walaupun aktiviti tersebut menarik ramai pengunjung, mereka lebih tertarik untuk datang kerana persembahan muzik dan tayang gambar daripada upacara itu, katanya.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk G. Palanivel dalam membentangkan ucapan dasarnya di majlis tersebut berkata masyarakat India dalam menghadapi cabaran abad ke 21 perlu meninjau kembali kebesaran peradaban di Asia iaitu peradaban Cina, Hindu dan Islam yang telah membawa bersama pelbagai pembangunan.

Peradaban Hindu telah banyak menyumbangkan dalam kemajuan bidang matematik, sains dan perubatan, malah senibina-senibina keagamaan yang dikagumi, pelayar, peniaga dan pekerja-pekerja mahir dalam pelbagai bidang, katanya.

Pada masa yang sama agama Hindu mendidik penganutnya akan kekuatan dalaman, kesabaran dan ketenangan dalam hidup yang merupakan aspek-aspek yang amat perlu bagi menghadapi cabaran abad ke 21 ini, katanya. --

BERNAMA.

HK PR